

# TINGKAT KAN KERJASAMA SEMPADAN

UM 24 AUG 1981

**B**ANGKOK, 23 Ogos — Malaysia dan Thailand akan mempertingkatkan kerjasama keselamatan di kawasan sempadan dan tidak akan membiarkan mana-mana pihak khususnya parti-parti komunis mengambil kesempatan untuk mengeruhkan hubungan baik antara kedua buah negara.

Bercakap kepada para wartawan selepas rundingannya dengan Perdana Menteri Thai, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata memang terdapat golongan-golongan yang ingin melihat hubungan tersebut menjadi keruh untuk mencapai kepentingan mereka.

Malaysia tegas beliau, akan memastikan apa juga masalah yang dihadapinya dengan Thailand diselesaikan dalam semangat persahabatan dan tidak akan membiarkan sesiapa mengambil kesempatan

DARI  
KHALID MOHAMAD

darinya untuk menjejaskan hubungan baik kedua buah negara.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa Malaysia juga tidak mahu campur tangan dalam hal ehwal Negeri Thai seperti gerakan pemisah Islam di selatan negara tersebut.

Beliau memberi jaminan bahawa Kerajaan Malaysia di bawah pimpinannya akan bekerjasama dengan Thailand dalam segala bidang dan tidak akan membiarkan hubungannya terjejas seperti mana yang diidamkan oleh setengah-setengah golongan.

Ditanya mengenai gerakan pemisah di selatan Thailand yang boleh menjejaskan hubungan tersebut, Perdana Menteri menekankan bahawa Malaysia, menganggapnya sebagai masalah rumah tangga Thailand.

Menurutnya, Thailand tidak pernah

meminta-Malaysia berbuat sesuatu mengenai perkara itu kecuali soal pelarian-pelarian Islamnya.

Dalam masalah kedua ini kata beliau pihak Thai telah meminta Malaysia menghantar mereka pulang dan ini telah pun dilakukan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan Malaysia dan Thailand tidak mempunyai perbezaan pandangan berhubung dengan perkara ini dan Kerajaan Thai sendiri tidak menonjol-nonjolkan masalah tersebut.

Menghuraikan soal keselamatan di sempadan, Perdana Menteri berkata beliau telah membincangkan dengan Jeneral Prem tentang penerusan kerjasama tersebut dalam memerangi musuh bersama di sempadan.

Katanya, mereka juga menekankan tentang perlunya dasar-dasar dan garis panduan yang digunakan sebelum ini berhubung dengan kerjasama itu dituskan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah Malaysia dan Thailand akan saling bantu membantu untuk memerangi musuh bersama.

Ditanya sama ada mereka membincangkan apa yang dipanggil siaran radio Suara Demokrasi Malaya yang kononnya dipancarkan dari selatan Thailand, beliau berkata bahawa perkara ini tidak disebut langsung "kerana ia tidaklah begitu penting."

Mengenai Kampuchea, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan apa yang ingin dilihat oleh Malaysia ialah pembentukan sebuah kerajaan di negara tersebut dan Malaysia tidak mengutamakan mana-mana pihak.

Menjawab satu pertanyaan, beliau berkata pendekatan Malaysia terhadap issue Kampuchea tidak berubah dan penyelesaian politik hendaklah diteruskan.